

Kerajaan tak campur tangan - PM

UM- 8/1/2019 m/s: 3

KUALA TERENGGANU 7 Jan. - Kerajaan tidak akan campur tangan berhubung peletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V semalam, sebaliknya perkara itu diserahkan kepada Majlis Raja-Raja.

Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir Mohamad berkata, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa serta hak bagi memutuskan apa juga bentuk tindakan selanjutnya berhubung perkara itu.

"Itu soal raja-raja, mereka yang menentukan. Kerajaan tak campur tangan dalam perkara ini, kita terima sajalah apa keputusan dibuat raja-raja. (Begitu juga) penggantinya, akan ditentukan oleh Majlis Raja-Raja," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan wujud kaedah pengundian bagi pelantikan Yang di-

Pertuan Agong yang baharu, beliau menjelaskan, itu terpu-
lang kepada Majlis Raja-Raja.

"(Ada undi), saya tak tahu lah macam mana dia (Majlis Raja-Raja) nak tentukan, terpu-
langlah pada raja-raja.

"Kita tak ada formaliti, walaupun ikut adat, mereka ada susunan mereka tapi mereka tak terikat dengan susunan itu, mereka bebas buat keputusan lain," katanya dalam sidang akh-
bar selepas merasmikan Pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Negeri Terengganu di Ladang Tok Pelam di sini hari ini.

Perdana Menteri menyatakan perkara itu ketika diminta mengu-
las peletakan jawatan Sultan Mu-
hammad V sebagai Yang di-Pertu-
an Agong Ke-15 semalam.

Dr. Mahathir seterusnya me-

ngakui agak terkejut dengan tindakan baginda Sultan Mu-
hammad V meletakkan jawatan tersebut.

"Banyak khabar angin saya dengar, tapi tak berapa terkejut sangatlah. Terkejut juga tapi tak berapalah sebab banyak orang cakap. Setengah orang lebih tahu daripada Yang di-Pertuan Agong," ujarnya seloroh.

Ditanya adakah beliau sudah sedia maklum mengenai sebab-sebab peletakan jawatan itu, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, biarlah perkara itu ditentu dan diputuskan Majlis Raja-Raja.

"Saya tak boleh buat kenyataan mengenai ini dan kita ada Majlis Raja-Raja, biarlah diputuskan sesama mereka (raja-raja)," jelasnya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan sumbangan kepada penghuni Taman Sinar Harapan di Kuala Nerus dalam lawatan kerja sehari di Terengganu, semalam. - UTUSAN/HARISH FADZILLAH